

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 18, 2019 8:15 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pantau Perkembangan Anak Untuk Lahir Graduan Kelas Pertama Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JUN 2019 / 14 SYAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PANTAU PERKEMBANGAN ANAK UNTUK LAHIR GRADUAN KELAS PERTAMA UNIVERSITI



UUM ONLINE: "Ibu bapa tidak boleh menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab untuk melihat kejayaan anak mereka kepada universiti, sebaliknya bersama-sama memantau perkembangan mereka agar universiti dapat melahirkan graduan kelas pertama," kata Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Majlis Perjumpaan Naib Canselor Bersama Waris Sempena Pendaftaran Pelajar Program Asasi Pengurusan Sesi 2019/2020 di Dewan Seminar Pusat Islam, semalam.

Menurutnya, universiti komited untuk melahirkan pelajar kelas pertama, tambahan sekarang adalah zaman yang sangat kompetitif dan persaingan sangat ketat serta sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

Justeru, katanya, beliau mahu pelajar menumpukan perhatian kepada kegiatan akademik agar mereka dapat bergraduasi dengan cemerlang dan mendapat pekerjaan yang lebih baik, sesuai dengan pencapaian terbaik mereka sepanjang tempoh pengajian di UUM.

Naib Canselor berkata, bagaimanapun dalam memastikan pelajar ini terus cemerlang, peranan ibu bapa juga adalah penting dengan sentiasa memantau perkembangan anak-anak dan memastikan mereka untuk terus belajar.

Pada masa sama, beliau menggalakkan ibu bapa untuk bersama-sama membantu dalam peningkatan ranking universiti kerana ranking UUM di peringkat antarabangsa kini semakin meningkat dengan lonjakan tangga dalam QA Asia University Rankings (QS-AUR) dan Asia University Rankings Times Higher Education (THE).

Pada perjumpaan hampir dua jam itu, Naib Canselor turut berkongsi tentang kemudahan dan fasiliti yang disediakan UUM seperti kemudahan penginapan terbaik, kemudahan Wifi, fasiliti bertaraf antarabangsa dan juga kebajikan pelajar.

Turut diadakan sesi soal jawab dengan waris yang turut disertai Pengarah Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya Dr. Munif Zarirudin Fikri Nordin dan Timbalan Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Prof. Madya Dr. Norhani Aripin.

Sementara itu, waris, Mohd Saidi Abd Rahman berkata, dia teruja dan gembira apabila mengetahui anak sulungnya, Nur Syuhada dipilih antara ribuan calon lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang menghadiri sesi temuduga untuk mengikuti Program Asasi Pengurusan di universiti ini.

"Pertama kali kami akan berjauhan dan ia satu pengalaman baharu kepada kami sekeluarga kerana anak saya telah menjejakkan kaki ke universiti walaupun baru di peringkat pra-universiti.

"Nur Syuhada bercita-cita untuk menjadi seorang akauntan dan saya berharap dia dapat menunaikan impiannya ketika menuntut di UUM selepas beberapa tawaran matrikulasi lain ditolak," katanya yang hadir bertongkat selepas terlibat dalam kemalangan motosikal beberapa bulan lalu.

Isterinya, Sabariah Mat dilihat menitiskan air mata apabila mengenangkan anak sulung dua beradik itu akan tinggal berjauhan dengan mereka sekeluarga.

Pada masa sama, menurutnya, dia dan suami gembira apabila Nur Syuhada berjaya menempatkan diri di UUM dan berharap anaknya itu akan belajar bersungguh-sungguh, seterusnya bergraduasi sebagai graduan kelas pertama seperti yang dihasratkan Naib Canselor.

Sabariah dari Kepala Batas, Pulau Pinang berkata, mereka sekeluarga tiba di Sintok semalam bagi mengelak berlaku sebarang masalah di saat akhir, tambahan pula keadaan suaminya yang kurang sihat dikhuatiri melambatkan pergerakan semasa sesi pendaftaran anak mereka.

"Kami sekeluarga bermalam di Changlun sebelum datang ke UUM untuk pendaftaran Nur Syuhada. Alhamdulillah semuanya berjalan lancar dan sebagai seorang ibu, saya berharap untuk melihat kejayaan anak saya sepanjang berada di universiti ini," katanya.

Nurul Syuhada merupakan antara 270 pelajar yang ditawarkan untuk mengikuti Program Asasi Pengurusan Sesi 2019/2020 dan telah mendapat keputusan 7A dalam SPM lalu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.